

PHANTOM 21.7 SC ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'pyrrole' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

ATURAN PENGGUNAAN: Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

KAWASAN AWAM

| KEGUNAAN | SERANGGA | KADAR RACUN 10 LITER AIR | ISI PADU SEMBURAN UNTUK KELUASAN/m ² |
|---|---|-----------------------------|--|
| Kawasan institusi dan komersial, gudang, hospital, bangunan awam, pejabat, rumah dan lain-lain. | Anai-anai (<i>Coptotermes gestroi</i>) | 30 ml | 5 liter |

PERLINDUNGAN TAPAK PEMBINAAN DARI SERANGAN ANAI-ANAI

| TAPAK SEBELUM PEMBINAAN | SERANGGA | KADAR RACUN 10 LITER AIR | KAEDAH RAWATAN |
|---------------------------------------|---|-----------------------------|---|
| Tapak pembinaan termasuk asas lantai. | Anai-anai (<i>Coptotermes gestroi</i>) | 30 ml | Sembur pada kadar 5 liter / m ² . Sembur pada dasar sebelum memasang lantai. |

PERLINDUNGAN BANGUNAN DARI SERANGAN ANAI-ANAI

| TAPAK SELEPAS PEMBINAAN | SERANGGA | KADAR RACUN 10 LITER AIR | KAEDAH RAWATAN |
|--------------------------------------|---|-----------------------------|--|
| Permukaan tanah yang ditutupi papak. | Anai-anai (<i>Coptotermes gestroi</i>) | 30 ml | Tebuk lubang setiap 50 cm pada lantai, 15 cm menjauhi dinding. 5-6 L bancuhan di pam ke dalam lubang tersebut. |

****Nota:** Kawasan yang dirawat perlu diperiksa setiap tahun untuk sebarang tanda infestasi semula anai-anai.

Panduan Membancuh: Campurkan **PHANTOM 21.7 SC** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Seterusnya tambah baki air bersih yang diperlukan dan kacau. Jangan guna pada kadar lebih tinggi daripada yang disyorkan. Jangan simpan baki bancuhan **PHANTOM 21.7 SC** di dalam tangki alat penyembur.

Panduan Menyembur: Pastikan haiwan kesayangan tidak berhampiran dengan tempat semburan. Sembur secara menyeluruh dan rata-rata pada permukaan tanah.

Tempoh Dilarang Masuk Semula Kawasan Rawatan (REI) : 24 jam

BASF
We create chemistry

PHANTOM 21.7 SC

RACUN SERANGGA PEKATAN AMPAIAN (SC)

UNTUK KAWALAN MAKHLUK PEROSAK (PCO) SAHAJA.

Perawis Aktif : chlorfenapyr.... 21.7% w/w
Perawis Lengai : 78.3% w/w

UNTUK DIKENDALIKAN OLEH
PENGENDALI BERLESEN SAHAJA.

No. Pendaftaran: LRMP. R/10572

Kandungan Bersih: 1 liter

Tarikh Mengilang:

Tarikh Luput: No. Kelompok:

Didaftarkan oleh :
BASF (Malaysia) Sdn. Bhd. 198901005366
Lot 19.02, Level 19, 1 Powerhouse,
No. 1, Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama,
47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel.: 03-7612 1888 Faks: 03-7612 1777

Jika berlaku **KERACUNAN**,
sila hubungi **TALIAN KECEMASAN:** 
No. Talian Kecemasan Syarikat : 03-7612 1999
BACA LABEL SEBELUM GUNA

AWAS: a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawai termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan mengikut kesesuaian (Rujuk Risalah Data Keselamatan).

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

TANDA KERACUNAN:

Tanda Awal: Mual, muntah, kerengsaan mata, peluh berlebihan, nafas laju, demam, dahaga keterlaluan, penglihatan kabur, pengsan, kerengsaan (kemerahan, gatal).

Tanda Tertangguh: Keradangan kulit (kemerahan, gatal, kebas, melepuh, bengkak, luka).

RAWATAN KECEMASAN:

Jika terkena pakaian, tanggalkan kesemua pakaian, mandi dengan segera dan ganti pakaian yang bersih. Jika terkena pada kulit, bersihkan dengan sabun dan air yang banyak. Jika terkena pada mata, tanggalkan kanta lekap (jika ada) alirkan air yang banyak pada bahagian mata sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** iktiharkan untuk muntah dan **JANGAN** beri apa-apa melalui mulut. Jika terhidu, pindahkan mangsa ke kawasan pengudaraan yang bersih. Bawa mangsa ke Pusat Perubatan/Klinik/Hospital yang terdekat dengan segera. Dinasihatkan bawa bersama label atau bekas racun perosak.

**BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA.
JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.**



P(L) 04/23

有毒品
勿貯藏在靠近
食品或兒童所接觸的地方

POISONOUS
KEEP AWAY FROM
FOODSTUFF AND CHILDREN

KELAS II

BERACUN
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

நஞ்சு
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதி